

Headline **MOSTI kaji kawalan diversiti dan karbon hutan**
Date **26. Mar 2009** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **13**
Section **Supplement** Article Size **127** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Black/White**
AdValue **1661.62**



MOSTI kaji kawalan diversiti dan karbon hutan

INSTITUT Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (Introp) Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini memeterai perjanjian kerjasama penyelidikan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) menerusi program *Brain Gain* Malaysia bertajuk *Kawalan Diversiti dan Keseimbangan Karbon Hutan Tropika*.

Pengarah Introp, Prof. Madya Dr. Jalaluddin Harun berkata, projek tersebut mendapat pembiayaan sebanyak RM477,000 bertujuan untuk membuat penilaian terhadap simpanan karbon semasa dan masa hadapan di hutan Malaysia.

Projek penyelidikan itu akan dilaksanakan sehingga Oktober tahun depan dengan dikendalikan di bawah Laboratori Pengurusan Biosumber Mampan, Introp yang diketuai oleh Prof. Dr. Nor Aini Ab Shukor bersama penyelidik yang terlibat iaitu Prof. Mohd. Basri Hamzah, Prof. Dr. Jonathan Miles Adam dan Prof. Madya Dr. Ainuddin Nuruddin.

"Usahasama ini memperkukuhkan lagi hubungan dua hala penyelidikan dalam bidang bioteknologi pertanian

antara UPM dengan Rutgers University, Amerika Syarikat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Penyelidikan ini dijangka dapat menghasilkan lima penerbitan dalam bentuk jurnal berimpak tinggi serta laporan teknika," katanya.

Beliau berkata, kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) itu meletakkan Introp sebagai institusi rujukan dalam bidang pengurusan hutan mampan terutama penerokaan karbon dan biodiversiti dinamik hutan tropika serta perubahan iklim global.

Memorandum perjanjian persetujuan (MoA) tersebut ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Abu Bakar Salleh mewakili UPM dan Timbalan Setiausaha Am (Polisi), Datin Madinah Mohamad mewakili MOSTI dengan disaksikan oleh Pengarah Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Prof. Madya Dr. Jalaluddin Harun dan Ketua Seksyen (Perancangan Strategik) MOSTI, Hathija Bebe Abdul Majeed.